

# UiTM 'berpeluh' sebelum ke separuh akhir

**KUALA LUMPUR 6 Feb.** - Juara bertahan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) berdepan detik cemas sebelum melangkah ke separuh bola sepak Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SukIPT) 2018 apabila diheret dalam pentuan sepakan penalti ketika mengetepikan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) hari ini.

Dalam aksi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, UiTM menang menerusi pentuan sepakan penalti 4-2 selepas

keputusan penuh perlawanan terikat tanpa jaringan biarpun banyak percubaan dilancarkan kedua-dua pasukan.

UiTM kini akan menentang naib juara Piala Menteri Pendidikan Tinggi 2017, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang turut dikerah bekerja keras ketika menumpaskan UiTM Perlis 1-0 dalam satu lagi saingan suku akhir.

Sementara itu, malang bagi Universiti Putra Malaysia (UPM)

yang beraksi di gelanggang sendiri di Stadium UPM, Serdang apabila kecundang kepada Universiti Malaya (UM) 1-2.

Tambah malang apabila jaringan kemenangan UM diperoleh hasil jaringan sendiri pemain UPM, Saravanan hanya 10 minit sebelum perlawanan tamat.

Turut melangkah ke separuh akhir adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang menewaskan Politeknik Malaysia 2-0.